

**PDRM Komited Perangi Jenayah, Antara Ikrar Sempena Sambutan Hari Polis Ke-207  
Bernama  
25 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak meminta rakyat Malaysia menyokong polis dan memainkan peranan aktif mengurangkan kadar jenayah dan mengekalkan keamanan negara sempena sambutan Hari Polis ke-207.

Beliau berkata setiap individu atau organisasi perlu memikul tanggungjawab bersama pasukan keselamatan untuk meningkatkan keberkesanan untuk memerangi jenayah.

Katanya, masyarakat tidak perlu berkhidmat di dalam pasukan polis atau menawarkan diri menjadi sukarelawan polis untuk menyedari kepentingan membanteras jenayah secara holistik.

Pada sambutan itu, Perdana Menteri memeriksa kawalan kehormatan dan menyaksikan perbarisan oleh kira-kira 2,000 pegawai dan anggota polis di Dataran Kawad Pusat Latihan Polis (Pulapol), di sini Selasa.

Beliau turut menyampaikan Anugerah Kenaikan Pangkat Secara Medan kepada 23 pegawai dan anggota polis.

Di KEDAH, Penolong Ketua Polis Kedah Datuk Zaleha Abdul Rahman berkata pada tahun ini pihaknya akan menjalankan program membanteras gejala rasuah bersempena 'Kempen Tolak Rasuah'.

Di LANGKAWI, Ketua Polis Daerah Langkawi Supt Harrith Kam Abdullah menasihatkan penduduk supaya mematuhi undang-undang jalan raya, agar ia menjadi teladan yang baik kepada pelancong yang berkunjung ke pulau peranginan itu.

Beliau berkata kadar kemalangan membabitkan pelancong asing sejak kebelakangan ini meningkat berikutan gagal mematuhi aspek-aspek keselamatan jalan raya terutama pemakaian topi keledar.

Di JOHOR, Timbalan Ketua Polis Johor Datuk Ismail Yatim berkata pihaknya menyasarkan pengambilan 500 anggota polis dari kaum Cina sebagai usaha memantapkan penugasan dan mengimbangi komposisi kaum dalam pasukan berkenaan.

Beliau berkata jumlah pegawai dan anggota polis kaum Cina di negeri ini amat kurang ketika ini iaitu hanya 63 pegawai dan 82 orang anggota daripada jumlah keseluruhan 9,000 pegawai dan anggota polis di seluruh Johor.

Di PERLIS, sambutan Hari Polis cukup bermakna kepada Noor Aziah Nor, balu Allahyarham ASP

Zulkifli Mamat yang terkorban dalam "Op Daulat" di Lahad Datu, Sabah 1 Mac tahun lepas apabila beliau menerima sijil badal haji untuk suaminya yang diberikan Lembaga Tabung Haji).

Di KELANTAN, Timbalan Ketua Polis Kelantan Datuk Mazlan Lazim berkata pihaknya serius dalam menangani kes jenayah yang melibatkan senjata api di negeri itu.

Beliau berkata pihaknya akan mempertingkatkan penguatkuasaan keselamatan bagi mengatasi jenayah yang menggunakan senjata api.

Di SABAH, indeks jenayah di Kota Kinabalu turun 9.8 peratus sehingga kini tahun ini, kata Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu ACP Jauteh Dikun.

Beliau berkata ini berikutan usaha berterusan dari segi pencegahan dan risikan serta maklumat orang ramai yang membolehkan polis berjaya menangkap penjenayah dan menumpaskan beberapa sindiket di sekitar bandar raya ini.

Di SARAWAK, Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Sarawak, ACP Lee Moh Lee berkata keyakinan masyarakat banyak bergantung kepada integriti dan kredibiliti setiap peringkat pegawai dan anggota dalam penyampaian perkhidmatan dengan jujur serta ikhlas pada setiap masa.

Di PULAU PINANG, Timbalan Ketua Polis Negeri Datuk A. Thaveegan menyampaikan surat penghargaan kepada 600 penerima terdiri daripada anggota dan pegawai dari pelbagai jabatan yang menunjukkan prestasi cemerlang termasuk orang awam yang menyumbang kepada usaha penurunan jenayah di negeri itu.

Beliau turut memberi penghargaan kepada pengamal media yang menyampaikan mesej kepada orang ramai menerusi laporan berita sekali gus membantu meningkatkan kesedaran masyarakat dalam membendung kegiatan jenayah di sekeliling mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1024806>